



POLISI KONFLIK KEPENTINGAN JABATAN PENJARA MALAYSIA

MS ISO 37001:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM

**UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA**

JANGAN MINTA, TOLAK DAN LAPOR

Perutusan

Komisioner Jeneral Penjara Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Konflik kepentingan suatu perkara lazim yang sering berlaku dalam sesebuah organisasi dan ianya berlaku apabila seseorang individu itu gagal dan sukar membuat pilihan antara melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang kakitangan yang bertugas di Jabatan Penjara dengan kepentingan peribadi. Ini menyebabkan mereka tidak dapat bertindak secara objektif dan telus yang akhirnya gagal membuat pertimbangan secara adil berkaitan tugas rasminya. Oleh itu, **Polisi Konflik Kepentingan Jabatan Penjara Malaysia** ini dibentuk supaya dapat memberikan panduan kepada semua warga Jabatan Penjara Malaysia serta pihak ketiga yang berurusan dengan Jabatan Penjara Malaysia, prinsip dan tatacara yang perlu dilaksanakan bagi memastikan tidak berlaku apa-apa percanggahan kepentingan dalam tugas rasmi seharian.

Saya menyeru agar **Polisi Konflik Kepentingan Jabatan Penjara Malaysia** ini dihayati, dipatuhi serta dijadikan sebagai panduan oleh semua warga Jabatan agar prinsip **Zero Tolerance Towards Corruption** dapat digarap dan direalisasikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan Penjara Malaysia.

Sekian, terima kasih.



YBhg. KJP Dato' Haji Nordin bin Haji Muhamad

Komisioner Jeneral Penjara

Tarikh: 16 Januari 2023



Kandungan

1	Pendahuluan	m.s.2
2	Pemakaian	m.s.2
3	Tujuan	m.s.3
4	Takrifan	m.s.3
5	Pernyataan Polisi	m.s.4
6	Pengisytiharan Polisi Kepentingan	m.s.5
7	Pertanyaan dan Pelaporan	m.s.5
8	Pelanggaran Polisi	m.s.6
9	Tarikh Kuat Kuasa	m.s.7
10	Penutup	m.s.7
11	Rujukan	m.s.7
12	Akujanji Polisi	m.s.8

1

Pendahuluan

- 1.1 Konflik kepentingan melibatkan konflik yang wujud antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang yang mana dia mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu tugas dan tanggungjawab atau ketika membuat pertimbangan bagi pihak Jabatan Penjara Malaysia.
- 1.2 Konflik kepentingan lazimnya dinilai dari sudut etika iaitu sama ada apa yang dilakukan oleh anggota itu betul atau salah secara moral.
- 1.3 Pada asasnya, apabila wujudnya konflik kepentingan, seseorang anggota itu mungkin berada dalam situasi di mana mereka tidak dapat berfikir secara objektif dan rasional, sekaligus gagal membuat keputusan secara adil dan saksama kerana dikaburi prospek keuntungan peribadi.

2

Pemakaian

Polisi ini terpakai kepada semua warga Jabatan Penjara Malaysia. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan strategik atau pihak ketiga yang berurusan dengan Jabatan Penjara Malaysia.

3

Tujuan

Polisi Konflik Kepentingan Jabatan Penjara Malaysia merupakan satu panduan kepada semua warga Jabatan Penjara Malaysia untuk menerangkan prinsip, peraturan dan isu berkaitan dengan konflik kepentingan yang timbul semasa menjalankan tugas rasmi demi memastikan warga Jabatan menjalankan tugas dengan telus, adil dan berintegriti

4

Takrifan

4.1 **Warga Jabatan Penjara Malaysia**

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Penjara Malaysia sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

4.2 **Saudara dan sekutu**

Merujuk kepada tafsiran "saudara" dan "sekutu" di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

4.3 **Pihak Ketiga**

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan, individu atau mana-mana pihak yang berurusan dengan Jabatan Penjara Malaysia.

4.4 **Rasuah**

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta

atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.



5 *Pernyataan Polisi*

Setiap Warga Jabatan Penjara Malaysia **dilarang**:

- 5.1 Mengadakan hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pihak ketiga untuk kepentingan peribadi yang boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas rasminya.
- 5.2 Membiarkan diri atau saudara/ sekutu berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi.
- 5.3 Terlibat dalam membuat keputusan atau urusan perolehan atas kapasiti tugas rasmi dengan mana-mana pihak yang mana saudaranya atau sekutunya memiliki kepentingan dalam pihak tersebut.
- 5.4 Menyalahguna kedudukan rasmi untuk mempengaruhi keputusan yang memihak kepada dirinya atau saudara/ sekutunya.
- 5.5 Menyalahguna kedudukan rasmi sebagai warga Jabatan untuk mendapat layanan istimewa atau keuntungan daripada mana-mana pihak ketiga.

- 5.6 Menyalurkan apa-apa maklumat terperinci berkaitan Jabatan yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di Jabatan Penjara Malaysia.

6

Pengisytiharan Polisi Kepentingan

- 6.1 Warga Jabatan yang mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisytiharkan kepentingannya kepada Ketua Jabatan.
- 6.2 Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana warga Jabatan yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.
- 6.3 Warga Jabatan yang mempunyai konflik kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat atau panel (contoh temu duga), hendaklah mengisytiharkan kepentingannya kepada mesyuarat/ panel serta meninggalkan mesyuarat/ panel tersebut. Urus setia kemudiannya hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai meninggalkan mesyuarat/ panel.

7

Pelanggaran Polisi

Mana-mana warga Jabatan Penjara Malaysia yang didapati gagal untuk mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar

perintah dan diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pelanggaran polisi oleh pihak ketiga akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, atau mana-mana badan pengawal lain yang berkaitan.



Pertanyaan dan Pelaporan

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:

- i. Sistem Aduan i-SPAAA KDN
<https://www.moha.gov.my/index.php/ms/terkini/130-online-services/2347-i-spaaa>; **atau**
- ii. Menghadirkan diri di Pejabat Unit Integriti Ibu Pejabat Penjara Malaysia atau menulis surat ke alamat:
**Komisioner Jeneral Penjara
Ibu Pejabat Penjara Malaysia
Kajang-Semenyih By Pass
43000 Selangor
(u.p.: Ketua Unit Integriti); atau**
- iii. Melalui telefon di talian 03-8732 8373 (Seksyen Aduan, Unit Integriti, IPPM)

9

Tarikh Kuat Kuasa

Polisi Konflik Kepentingan Jabatan Penjara Malaysia ini berkuat kuasa mulai tarikh ia ditandatangani oleh Komisioner Jeneral Penjara.

10

Penutup

Dengan wujudnya Polisi Konflik Kepentingan Jabatan Penjara Malaysia ini, warga Jabatan Penjara diharap dapat memahami berkaitan prinsip dan tatacara dalam menjalankan tugas supaya dapat mengelak daripada berlakunya konflik kepentingan, seterusnya dapat menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah. Pematuhan terhadap Polisi ini akan menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah.

11

Rujukan

1. Perlembagaan Persekutuan
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
4. Kod Etika Jabatan Penjara Malaysia



AKU JANJI POLISI KONFLIK KEPENTINGAN
JABATAN PENJARA MALAYSIA

Kepada Komisioner Jeneral Penjara:

1. Saya.....
 No. K/P Dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Jabatan Penjara Malaysia.
2. Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya menerima/ akur sekiranya saya mengingkari Polisi ini dan didapati memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai :
 Nama :
 Jawatan :
 Tempat Bertugas :
 Tarikh :

Nota: Sila kembalikan satu salinan Surat Pengakuan ini kepada Komisioner Jeneral Penjara melalui Pengarah Bahagian/ Ketua Institusi/ Unit masing-masing untuk rekod.

**UNIT INTEGRITI
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA
JALAN KAJANG-SEMENYIH BYPASS
43000 KAJANG SELANGOR**

 **integriti@prison.gov.my**
 **03-8732 8373**